

MENJELANG SUKAN SEA

ngan penari tarian dan semangat berkebab-kobar.

Menurut Nadzrie Hycckell, 22 tahun, walau pasukan ini baru ditubuh awal tahun ini, mereka tidak berasa gemuruh atau gementar kerana yakin telah membuat persiapan sebaik mungkin.

"Bagi saya, perasaan itu hanya timbul jika kami kurang yakin dengan persiapan sendiri. Isu ini tidak akan timbul dalam pasukan ini," kata bekas penuntut Politeknik Singapura yang mula mendayung pada usia 17 tahun itu.

Bersependapat, Pek, 25 tahun, akur pingat emas menjadi sasaran mereka di Sukan Asia Tenggara (SEA) nanti.

"Sasaran ini telah ditetapkan dari dulu lagi dan sebagai pasukan tuan rumah, kami akan berjuang bermati-matian bagi mencapainya," kata Pek yang baru sahaja menamatkan pengajian di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Menurut jurulatih Goken Sakamoto, pasukan mendayung ini sedang menunjukkan perkembangan baik menjelang Sukan SEA.

perlumbaan 1,000 meter, di belakang pemenang Indonesia, Uzbekistan dan Vietnam.

Namun statusnya sebagai pasukan ketiga terbaik di rantau ini memberi keyakinan kepada pasukan bahawa sebutir pingat di Sukan SEA bukan di luar jangkauan mereka, kata Syahir, 24 tahun.

Mahasiswa NTU itu – juga adik ratu dayung negara, Saiyidah Aisyah – mengangap pasukan mendayung dari Thailand, Indonesia dan Vietnam sebagai pesaing utama apabila acara mendayung berlangsung dari 11 hingga 14 Jun ini.

"Kemenangan hanya muncul jika kami menunjukkan komitmen dan kerelaan bekerja keras demi meraihnya.

"Kami percaya boleh mendapat pingat... ia bukan satu janji kosong," kata Syahir, yakin.

Acara mendayung berlangsung di Marina Bay pada 11-14 Jun, dengan 18 emas dipertandingkan. Tiada bayaran dikenakan bagi menyaksikan acara mendayung.

28th SEA GAMES

9 HARI LAGI



Menangi dua tiket bagi menyaksikan pertandingan **PENCAK SILAT di Sukan SEA Ke-28**

**TAHUKAH ANDA?**

Pasukan pencak silat Singapura telah memenangi satu pingat emas dan dua pingat gangsa di Sukan SEA 2013 di Myanmar. Pingat emas tunggal dimenangi Muhammad Nur Alfian Juma'en 17 tahun, yang mengejutkan penonton di Stadium Tertutup Zayyathiri apabila beliau mengalahkan Juara Dunia dari Vietnam, Pham Van Ty, 5-0 di final Kelas F (70-75kg).

**SOALAN**

**Berapakah usia Nur Alfian tahun ini?**

Hantarkan jawapan anda selewat-lewatnya pada 5 Jun 2015 melalui e-mel bertajuk 'Saya Sokong Sukan SEA dan Berita Harian' kepada [BHOnline@sph.com.sg](mailto:BHOnline@sph.com.sg). Sertakan 1) Nama penuh 2) Nombor kad pengenalan 3) Nombor telefon bimbit. Keputusan penganjur adalah muktamad.

*Tiket penerbangan ke Bali, Krabi atau Pulau Pinang menanti juara kategori dewasa termasuk Bawah 35 Tahun (U-35). Dengan dorongan hadiah menarik tajaan AirAsia itu, kumpulan dalam kategori tersebut semakin bersemangat bersaing*